



SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 36/2020

RUJUKAN : 27 APRIL 2020



BANCIS
PENDUDUK & PERUMAHAN
MALAYSIA 2020
DATA ANDA MASA DEPAN KITA
7 JULAI 2020



www.dosm.gov.my



www.mycensus.gov.my



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

Pencegahan dan pengesanan awal mengenai kebarangkalian penularan wabak COVID-19 menjadi salah satu elemen penting bagi mengawal status jangkitan dalam negara. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang mempergiat aktiviti pengesanan, penyaringan dan rawatan bagi mengurangkan risiko kes jangkitan yang diimport. Penyediaan stesen kuarantin khususnya kepada masyarakat yang pulang dari luar negara (pengembara) telah mendorong usaha mengesan jangkitan di peringkat awal seterusnya mengekang wabak ini dari terus menular. Sehingga 27 April 2020, sebanyak 144 individu telah disahkan positif dan secara umumnya hampir 70 peratus melibatkan individu yang berkunjung ke negara Indonesia. Berdasarkan statistik kes positif tersebut mengikut negeri, sebanyak 48 kes melibatkan W.P Kuala Lumpur & W.P Putrajaya, Melaka (39 kes), Negeri Sembilan (17 kes), Selangor (16 kes), Johor (12 kes), Sarawak (11 kes) dan Kedah (1 kes). Angka ini turut menyumbang kepada peningkatan jumlah keseluruhan jangkitan positif kepada negeri-negeri terbabit.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 27 April 2020 **kumulatif kes sembah meningkat kepada 3,957** iaitu 67.9 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,764 kes yang masih aktif**. Sementara itu, sebanyak **40 kes positif baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **5,820 kes**. **Kawasan Lembah Klang mendominasi** kes positif dengan menyumbang **sebanyak 46.0 peratus**, Zon Selatan (22.1 peratus), Wilayah Malaysia Timur (14.0 peratus), Zon Pantai Timur (9.5 peratus) dan Zon Utara (8.4 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes baharu** adalah menerusi catatan di **W.P Kuala Lumpur** dengan **merekodkan 30 kes**, meningkat 14 kes berbanding hari sebelumnya disusuli Selangor (4 kes), Sarawak (3 kes) manakala Negeri Sembilan, Perak dan Sabah masing-masing sebanyak 1 kes. Selain itu, sejumlah **99 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan pertambahan **1 kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

Statistik pecahan kes kumulatif jangkitan positif **mengikut daerah** menunjukkan tiada pertambahan zon merah (41 kes ke atas) menjadikan catatan ini kekal sebanyak **30 daerah**. Namun begitu, sehingga 26 April 2020, hanya **13 daerah** daripada kategori tersebut yang masih mempunyai status **kes aktif dengan kebolehjangkitan** melebihi 41 kes. Antara **daerah atau kawasan** yang merekodkan **catatan kes aktif yang tinggi** adalah **Lembah Pantai dengan 280 kes** dan **Kuching sebanyak 177 kes**. Pada masa yang sama, **sejumblah 68 daerah** dari seluruh negara berada dalam kelompok **zon hijau** (tanpa kes aktif) sementara **26 daripadanya mengekalkan rekod tanpa jangkitan positif COVID-19** sejak wabak mula menular.

Jumlah keseluruhan jangkitan COVID-19 di seluruh dunia meningkat kepada 2,900,460 kes dengan melibatkan 203,055 kes kematian. Amerika Syarikat mendominasi bilangan kes positif sebanyak 939,249 kes, disusuli Sepanyol dengan 223,759 kes dan Itali sebanyak 195,351 kes. Sementara itu, di peringkat ASEAN Singapura merekodkan catatan 13,624 kes mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (8,607 kes), Filipina (7,579 kes) termasuk Malaysia (5,780 kes). Kematian tertinggi global direkodkan oleh Amerika Syarikat iaitu 53,934 kes, diikuti Itali yang mencatatkan 26,384 kes, Sepanyol (22,902 kes) dan Perancis (22,648 kes). Kadar kematian peringkat dunia adalah 7.0 peratus manakala kes sembuh merekodkan 822,860 kes (28.37 peratus) sehingga 26 April 2020.

Kejutan ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research memberikan butiran pasaran ekonomi antarabangsa seperti berikut;

GLOBAL: IMF dan WTO memberi amaran untuk menentang halangan perdagangan semasa COVID-19. IMF dan WTO menggesa agar kerajaan mengambil langkah berani dan mengelakkan daripada mengenakan halangan perdagangan terutama ke atas eksport makanan dan perubatan, di tengah-tengah krisis kesihatan global COVID-19. Walaupun peraturan WTO mengizinkan halangan eksport sementara untuk barang-barang utama seperti ubat-ubatan, alat pelindung, dan ventilator untuk mengatasi kekurangan di negara pengeksport, kedua-dua organisasi mendesak kerajaan untuk berhati-hati ketika menerapkan langkah-langkah tersebut dalam keadaan sekarang. **Secara kolektif, halangan eksport boleh menyebabkan kontraproduktif.** (RTT)

AS: Pesanan barang modal meningkat secara mendadak. Pesanan baru untuk barang modal buatan AS meningkat secara mendadak pada bulan Mac 2020. Walau bagaimanapun, peningkatan ini tidak mungkin berterusan kesan daripada wabak COVID-19 yang hampir melumpuhkan negara dan menyumbang kepada kejatuhan harga minyak mentah. Commerce Department AS melaporkan bahawa sungguhpun permintaan meningkat, penghantaran barang modal merosot pada bulan lalu. Ini memberi gambaran berlakunya **penurunan pelaburan perniagaan pada suku pertama** yang akan menyumbang kepada kemelesetan ekonomi yang paling teruk semenjak *the Great Recession*. (Reuters)

AS: Defisit AS berpotensi meningkat empat ganda menjadi AS\$3.7 trilion akibat krisis kesihatan COVID-19. Congressional Budget Office (CBO) menyatakan **penutupan perniagaan di seluruh negara dan lonjakan perbelanjaan kerajaan AS** dijangka boleh menyebabkan peningkatan empat kali ganda defisit persekutuan kepada AS\$3.7 trilion tahun ini ketika negara AS sedang memerangi krisis kesihatan COVID-19. Selain itu, **KDNK AS dijangka akan merosot hampir 40 peratus pada suku kedua 2020.** CBO meramalkan kebangkitan ekonomi pada separuh kedua tahun ini dan meramalkan

pengangguran akan meningkat kepada 16 peratus serta kekal dalam dua digit sepanjang 2021. (Reuters)

AS: Ekonomi menghadapi kejutan yang bersejarah dengan jangkaan pengangguran meningkat kepada 16 peratus. Menurut Kevin Hasset penasihat presiden AS menyatakan bahawa penutupan ekonomi AS kerana wabak COVID-19 adalah kejutan yang bersejarah yang berkemungkinan akan mendorong kadar pengangguran nasional meningkat kepada 16 peratus atau lebih tinggi bulan ini. Sehubungan itu, AS memerlukan lebih banyak rangsangan untuk memastikan pemulihan yang kuat. (Reuters)

AS: AS akan menghadkan jumlah wang yang dapat dipinjamkan kepada setiap bank di bawah program kecemasan COVID-19. Kerajaan AS menyatakan bahawa akan menghadkan jumlah pinjaman kepada bank di bawah program pinjaman kecemasan yang dirancang untuk mengekalkan pekerja kekal bergaji ketika pandemik COVID-19. Bahagian Pentadbiran Perniagaan Kecil (SBA) akan **menghadkan jumlah maksimum untuk pembiayaan pada 10 peratus** dari program Pembentangan Perlindungan Gaji, atau **AS\$60 bilion bagi setiap pemberi pinjaman.** SBA turut akan mempercepat permohonan yang diajukan. (Reuters)

EU: Aras keyakinan perniagaan Belgium pada tahap terendah. Keyakinan perniagaan Belgium menjunam ke paras terendah pada bulan April 2020, didorong oleh sektor perkhidmatan perniagaan dan perdagangan runcit, apabila pengurus perniagaan semakin prihatin terhadap kesan ekonomi dari pandemik COVID-19. Menurut tinjauan dari Bank Nasional Belgium, **indeks keyakinan perniagaan turun ke -36 dari -10.9 pada bulan Mac 2020 berbanding ramalan skor -21.** Indeks sentimen untuk sektor perkhidmatan perniagaan merosot ke -62.1 dari -22. Perniagaan sangat pesimis terhadap trend terkini dan penilaian terhadap keadaan semasa. (RTT)

JEPUN: Keseluruhan aktiviti industri menurun buat pertama kalinya dalam jangkamasa 4 bulan. Menurut Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, keseluruhan aktiviti industri Jepun merosot untuk pertama kalinya dalam jangkamasa empat bulan pada bulan Februari 2020. **Indeks bagi semua aktiviti industri turun 0.6 peratus (MoM) pada bulan Februari 2020** berbanding kenaikan 0.6 peratus pada bulan Januari 2020. Ini adalah penurunan pertama sejak Oktober 2019. Perincian mengikut komponen menunjukkan, **aktiviti pembinaan menurun 1.6 peratus (MoM)**, setelah kenaikan 1.2 peratus pada bulan Januari 2020. **Aktiviti industri tertier menguncup 0.6 peratus (MoM)** pada bulan Februari, setelah kenaikan 0.3 peratus pada bulan sebelumnya. **Pengeluaran industri turun kepada -0.3 peratus (MoM)** pada bulan Februari, setelah kenaikan 2.0 peratus pada bulan sebelumnya. (RTT)

SINGAPURA: Pengeluaran perindustrian meningkat didorong oleh lonjakan pengeluaran farmasi. Menurut Lembaga Pembangunan Ekonomi, pengeluaran perindustrian Singapura meningkat pada bulan Mac 2020, didorong oleh

peningkatan yang ketara dalam pengeluaran bioperubatan ketika permintaan untuk farmasi meningkat akibat pandemik COVID-19. **Pengeluaran industri meningkat 16.5 peratus (YoY) pada bulan Mac 2020**, setelah penurunan 0.7 peratus pada bulan sebelumnya. Prestasi ini adalah lebih tinggi berbanding penurunan 6.3 peratus yang diramalkan oleh ahli-ahli ekonomi. **Tanpa mengambilkira pembuatan bioperubatan, keluaran industri tidak berubah pada bulan Mac 2020**, setelah kejatuhan 2.2 peratus pada bulan sebelumnya. (RTT)

SINGAPURA: Harga harta tanah jatuh pada suku pertama. Harga kediaman di Singapura menurun pada suku pertama ketika pasaran harta tanah seolah-olah terhenti akibat sekatan pergerakan COVID-19, data **indeks harga kediaman turun 1.0 peratus pada suku pertama 2020** setelah kenaikan 0.5 peratus pada suku keempat 2019. Walau bagaimanapun, ini lebih tinggi berbanding anggaran awal -1.2 peratus. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

- 1) **Presiden Persatuan PKS Malaysia** menyatakan bahawa PKS perlu menyesuaikan diri dengan perniagaan digital agar tidak ketinggalan. Tinjauan oleh SME Corp mendapati **perniagaan digital PKS meningkat kepada 30 peratus pada PKP fasa 3.**
- 2) **Syarikat perkhidmatan minyak dan gas tempatan**, Dialog Group Bhd mencatatkan momentum peningkatan yang kukuh ketika harga minyak jatuh menjunam berikutan **permintaan terhadap kemudahan penyimpanan petroleum meningkat dengan drastik. Projek Dialog di Pengerang** yang dikhodusukan bagi pengendalian dan penyimpanan minyak bagi syarikat minyak utama dan peniaga serta produk petroleum bertapis dan petrokimia telah mengukuhkan operasi syarikat.
- 3) China **mengimport minyak mentah** dari Malaysia berjumlah **1.054 juta tan, meningkat 107 peratus dari tahun sebelumnya** pada bulan Mac. **Import minyak mentah China pada bulan Mac meningkat 4.5 peratus tahun ke tahun** kepada **9.68 juta tong sehari (bpd)** ketika kilang minyak menggunakan kargo yang lebih murah walaupun permintaan bahan bakar domestik jatuh dan penurunan kadar penapisan kerana kesan pandemik Covid-19.
- 4) **MISC berkemungkinan mengalami kemerosotan pendapatan pada suku pertama 2020 sebanyak US\$550 juta (RM2.4 bilion)** selepas keputusan timbang tara bersama Sabah Shell Petroleum Co Ltd (SSPC) berkenaan sistem pelantar separa terapung di Gumusut Kakap.
- 5) **Sektor Pembuatan sebagai salah satu sektor utama di Malaysia yang dijangka mengalami kehilangan pendapatan sebanyak RM12.9 billion dalam 14 hari fasa pertama PKP.** Pandemik COVID-19 juga telah menyebabkan ramai pekerja dalam sektor Pembuatan kehilangan pekerjaan
- 6) **Plenitude Bhd akan menutup operasi tiga hotel** iaitu Mercure Penang Beach, The Gurney Resort Hotel dan Residences dan Travelodge Ipoh serta mengecilkan operasi hotel lain kerana pandemik Covid-19.
- 7) *International Air Transport Association (IATA)* menyatakan **syarikat penerbangan Malaysia bakal kerugian US\$4.24 bilion** dan 220,500 bakal kehilangan pekerjaan.

- 8) Sapura Energy melaksanakan **pemotongan gaji pengurusan dan kakitangan sebagai langkah penjimatan**. Pengurangan tenaga kerja akan dilaksanakan bagi mengurangkan impak daripada pandemik COVID-19 dan harga minyak mentah yang rendah.
- 9) XOX Mobile mengambil peluang **mewujudkan 20,000 pekerjaan baharu** menerusi Program Pengedar Sekutu Dalam Talian untuk **membantu golongan yang terjejas mencari pendapatan** dalam tempoh sukar ini berikutan kelembapan ekonomi disebabkan pandemik COVID-19.
- 10) Lazada Malaysia telah memperkenalkan **Pakej Kedai Pintar yang dijangka akan membantu 50,000 PKS tempatan** menghadapi wabak tersebut dengan membantu mereka menjual secara dalam talian.
- 11) Kerajaan berkemungkinan **mengambil langkah seperti pinjaman tempatan dan penerbitan bon untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi** yang bertujuan untuk membantu rakyat dan perniagaan kecil dalam menangani impak pandemik COVID-19. Kerajaan juga mempunyai pilihan seperti menyelaras semula perbelanjaan operasi, meningkatkan pendapatan bukan cukai dan menaikkan sekatan dalam pengurusan hutang awam secara sementara.
- 12) **Pekebun kecil getah menghadapi kesukaran membuat pendaftaran Insentif Pengeluaran Getah (IPG)** kerana lokasi yang jauh dan mengambil masa untuk ke pejabat wilayah Lembaga Getah Malaysia (LGM). Selain itu, LGM akan mengkaji untuk memudahkan pengisian borang pendaftaran dan lain-lain prosedur yang ditetapkan.

| A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | | |
|--|-----------------------|--|---|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | The Star | <p>Savills Malaysia: Hospitality sector to be worst hit by pandemic</p> <p>Malaysia's hospitality sector is expected to be the worst hit among all property sectors, by the Covid-19 pandemic, said Savills Malaysia, in its Asia Pacific Investment Quarterly 1Q 2020 report.</p> <p>It noted that the Malaysian Association of Hotels had projected revenue loss at about RM560mil just for the four-week Movement Control Order (MCO) period, on top of a RM75mil revenue loss in the weeks leading up to the MCO.</p> | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/27/savills-malaysia-hospitality-sector-to-be-worst-hit-by-pandemic |
| 2. | The Malaysian Reserve | <p>MCO extension could see another round of stimulus</p> <p>The government may be required to dish out more cash and incentives to insulate the economy from negative shocks resulting from the extension of the Movement Control Order (MCO), experts said.</p> <p>Despite efforts to reopen some segments of the economy, most businesses continue to remain shuttered with the economy losing about RM2.4 billion every day during the MCO. Collectively, the four MCO phases would total 55</p> | https://themalaysianreserve.com/2020/04/27/mco-extension-could-see-another-round-of-stimulus/ |

| | | | |
|----|----------------------|---|---|
| | | <p>days, which amount to an overall loss of RM132 billion.</p> <p>Institute for Democracy and Economic Affairs research manager in economics and business Lau Zheng Zhou said while the stimulus packages would have made major contributions to stabilise the economy in the immediate aftermath of the MCO, what is needed next is an exit strategy.</p> | |
| 3. | Berita Harian | <p>'Cara bermiaga berubah pasca COVID-19'</p> <p>Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu menerima hakikat bahawa cara menjalankan perniagaan akan berubah dan syarikat yang tidak mahu menyesuaikan diri dengan perniagaan digital akan terus ketinggalan.</p> <p>Presiden Persatuan PKS Malaysia, Datuk Michael Kang, berkata akan berlaku peningkatan ketara adaptasi digital dalam kalangan PKS pasca penularan COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p> <p>Sebelum ini hanya kira-kira 10 hingga 20 peratus PKS yang menggunakan teknologi digital sepenuhnya dalam perniagaan, namun angka itu dijangka meningkat sehingga 40 peratus selepas PKP berakhir.</p> <p>Tinjauan yang dilakukan SME Corp baru-baru ini mendapati pada minggu pertama PKP</p> | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/682127/cara-berniaga-berubah-pasca-covid-19 |

| | | | |
|--|--|--|--|
| | | dilaksanakan, hanya enam peratus PKS menjalankan perniagaan dalam talian dan angka itu melonjak kepada 30 peratus fasa ketiga PKP. | |
|--|--|--|--|

Penemuan penting & isu:

1. Savills Malaysia melaporkan bahawa perhotelan adalah sektor yang paling terjejas akibat pandemik Covid-19. Malaysian Association of Hotels mengunjurkan kerugian pendapatan sekitar RM560 juta hanya untuk tempoh empat minggu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
2. Presiden Persatuan PKS Malaysia menyatakan bahawa PKS perlu menyesuaikan diri dengan perniagaan digital agar tidak ketinggalan. Tinjauan oleh SME Corp mendapati perniagaan digital PKS meningkat kepada 30 peratus pada PKP fasa 3.

Maklumbalas Bahagian:

1. Arahan PKP yang berpanjangan akan menyebabkan kemerosotan sektor perhotelan dan secara tidak langsung akan memberi kesan kepada prestasi industri pelancongan dimana penginapan menyumbang 24.7 peratus (RM21.6 bilion) ke atas perbelanjaan pelancongan *inbound* dan 9.5 peratus (RM7.9 bilion) ke atas perbelanjaan pelancongan domestik. Sumbangan nilai ditambah kasar industri pelancongan kepada KDNK adalah 15.2 peratus pada tahun 2018 berbanding 14.6 peratus pada tahun 2017. Sementara itu pada tahun 2019, subsektor perkhidmatan penginapan menyumbang RM9.8 bilion nilai ditambah kasar kepada KDNK (2018: RM 9.2 bilion).
2. Peningkatan jumlah perniagaan secara digital oleh PKS bagi meneruskan kelangsungan perniagaan sepanjang PKP akan memberi kesan positif kepada prestasi e-dagang. Pada tahun 2018, prestasi e-dagang bertumbuh pada 7.9 peratus berbanding 11.9 peratus pada tahun sebelumnya.

| B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM) | | | |
|---|-------------------|--|---|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit | | | |
| 1. | Malay Mail | MCO: Allow small companies to operate to revive economy, says Malaysian Employers Federation The Malaysian Employers Federation (MEF) hopes the government will allow small companies to operate again in stages during the MCO period | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/27/mco-allow-small-companies-to-operate-to-revive-economy-says-malaysian-emplo/1860676 |

SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19: STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

| | | | |
|--|----------------------------|--|---|
| | | <p>and revive the economy. Currently employers who did not have a source of income and who mostly owned small businesses with fewer than five workers, were finding it tough to pay salaries to their workers.</p> | |
| 2. | Malay Mail | <p>Jalan Othman wet market closed after trader tests positive for COVID-19</p> <p>Health authorities today shuttered the Jalan Othman wet market after a trader from the fish section that tested positive for COVID-19. Prior to the Jalan Othman wet market shutting down, the Taman Megah market was similarly closed yesterday after a 49-year-old trader from the vegetable section reportedly tested positive for COVID-19.</p> | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/04/27/jalan-othman-wet-market-closed-after-trader-tests-positive-for-COVID-19/1860555 |
| 3. | Berita Harian | <p>Benarkan perniagaan amal pemeriksaan ketat untuk beroperasi</p> <p>Kerajaan diminta memberi memberi kebenaran kepada pejabat, premis serta kilang yang mengamalkan langkah kesihatan dan keselamatan secara terperinci untuk menyambung semula operasi masing-masing selepas 12 Mei ini.</p> | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/04/682349/benarkan-perniagaan-amal-pemeriksaan-ketatuntuk-beroperasi |
| B. Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan | | | |
| 4. | Free Malaysia Today | <p>Got a van? Pos Malaysia wants you</p> <p>Pos Malaysia is offering van owners a chance to earn some money by becoming part-time</p> | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2020/04/27/got-a-van-pos-malaysia-wants-you/ |

| | | |
|--|---|--|
| | agents during the MCO period. The part-time agents are needed in 33 districts across Johor, the Klang Valley, Penang, Perak, Negeri Sembilan, Kedah, Pahang, Terengganu, Kelantan, Sabah and Sarawak. | |
|--|---|--|

Penemuan penting & isu:

1. Persatuan Perniagaan mencadangkan pembukaan semua perniagaan bersaiz kecil dan sederhana secara berperingkat sepanjang perlanjutan tempoh PKP dapat membantu peniaga kecil dan sederhana bagi menampung perbelanjaan operasi seperti pembayaran gaji pekerja.
2. Pasar basah Jalan Othman, Petaling Jaya ditutup sementara kerana salah seorang pekerja didapati positif COVID-19.
3. Pertubuhan perniagaan, pejabat dan kilang memohon kebenaran kerajaan untuk beroperasi semula selepas 12 Mei ini dengan syarat mereka akan mengamalkan langkah kesihatan dan keselamatan secara terperinci.
4. Pos Malaysia Bhd menawarkan pemilik van untuk menjadi agen sambilan mereka di 11 negeri termasuk Lembah Klang sepanjang tempoh PKP dengan peluang komisen sehingga RM 6,000.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pembukaan semula perniagaan PKS secara berperingkat mampu membantu perkembangan ekonomi negara selepas terpaksa menutup perniagaan mereka akibat penularan COVID-19. Justeru itu, ia secara tidak langsung dapat membantu meningkatkan jualan bagi sektor Perdagangan Borong & Runcit.
2. Keperluan Pos Malaysia menawarkan agen sambilan adalah kerana permintaan yang tinggi dalam perkhidmatan pos dan kurier terutama Pos Laju sepanjang tempoh PKP ini. Situasi ini akan memberikan peningkatan hasil kepada perkhidmatan pos serta dapat membantu menjana pendapatan kepada individu yang terjejas akibat COVID-19.

| C. | Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM) | | |
|-----|---|---|---|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1.. | The Sun | Dialog continues upward momentum on demand for petroleum storage facility While oil and gas counters are trading on a choppy mode due to volatility in global oil price, the local oil and gas services | https://www.thesundaily.my/business/dialog-continues-upward-momentum-on-demand-for-petroleum-storage-facility-BG2338560 |

| | | | |
|------------------------------------|-----------------|--|---|
| | | <p>company Dialog Group Bhd had bucked the trend by recording a steady upward momentum.</p> <p>Dialog, a company which focuses on multinational oil majors, national oil companies as well as multinational engineering and service providers located throughout the world had recorded consistent performance despite the declining global oil price.</p> <p>Dialog's project in Pengerang which is dedicated to handling and oil storage for oil majors and traders as well as refined petroleum and petrochemical products has put its company on a steady footprint.</p> | |
| 2. | The Star | <p>China imported more oil from Malaysia</p> <p>China's March crude oil imports from top supplier Saudi Arabia fell 1.6% from a year earlier, while purchases from No.2 supplier Russia rose 31%, Reuters' calculations based on customs data showed on Sunday.</p> <p>Imports from Malaysia amounted to 1.054 million tonnes, increase of 107% from a year earlier. (1 tonne = 7.3 barrels for crude conversion).</p> | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/27/china-imported-more-oil-from-malaysia-in-march |
| Penemuan penting & isu: | | | <ol style="list-style-type: none"> Syarikat perkhidmatan minyak dan gas tempatan, Dialog Group Bhd mencatatkan momentum meningkat yang kukuh ketika harga minyak jatuh menjunam berikutnya permintaan terhadap kemudahan penyimpanan petroleum meningkat dengan drastik. Projek Dialog di Pengerang yang |

dikhususkan bagi pengendalian dan penyimpanan minyak bagi syarikat minyak utama dan peniaga serta produk petroleum bertapis dan petrokimia telah mengukuhkan operasi syarikat. Terminal Laut Dalam Pengerang berfungsi sebagai kemudahan tangki untuk pengendalian, penyimpanan, pengadunan dan pengedaran bagi syarikat minyak utama dan peniaga manakala Pengerang Terminals (Two) Sdn Bhd adalah terminal perindustrian khusus dengan kapasiti simpanan kira-kira 2 juta meter padu bagi produk mentah, petroleum ditapis dan petrokimia. Fasa 2 juga termasuk kemudahan pengegasan semula Gas Asli Cecair (LNG) terdiri daripada satu unit pengegasan semula dan dua unit tangki simpanan LNG dengan kapasiti 200,000 meter padu.

2. China mengimport minyak mentah dari Malaysia berjumlah 1.054 juta tan, meningkat 107% dari tahun sebelumnya. (1 tan = 7.3 tong untuk penukaran minyak mentah) pada bulan Mac. Import minyak mentah China pada bulan Mac meningkat 4.5% tahun ke tahun kepada 9.68 juta tong sehari (bpd) ketika kilang minyak menggunakan kargo yang lebih murah walaupun permintaan bahan bakar domestik jatuh dan penurunan kadar penapisan kerana kesan pandemik COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai import **minyak sawit** (HS 1511) pada tahun 2019 ialah RM2.3 bilion. Sumber utama import ialah dari Indonesia yang bernilai RM 2.1 bilion. Bagi tempoh Januari hingga Februari 2020, import minyak sawit merekodkan nilai RM476.2 juta, meningkat RM116.0 juta atau 32.2% berbanding RM360.2 juta pada tahun lalu. Manakala, nilai eksport minyak sawit ialah RM34.5 bilion. Malaysia mengeksport minyak sawit mentah ke India (RM8.0 bilion, 23.2%), China (RM3.6 bilion, 10.6%) dan Pakistan (RM1.9 bilion, 5.5%). Bagi tempoh Januari hingga Februari 2020, eksport minyak sawit bernilai RM5.7 bilion, meningkat RM218.6 juta atau 4.0% berbanding RM5.5 bilion pada tahun lalu.
2. Nilai import **petroleum mentah** (HS 2709) pada tahun 2019 ialah RM26.8 bilion dengan sumber import utama dari negara Arab Saudi (RM9.3 bilion, 34.8%), UAE (RM4.3 bilion, 15.9%) dan Venezuela (RM2.5 bilion, 9.5%). Bagi tempoh Januari-Februari 2020, import petroleum mentah bernilai RM6.0 bilion, peningkatan RM1.7 bilion atau 40.3% berbanding tempoh yang sama pada 2019. Manakala, nilai eksport petroleum mentah pada 2019 bernilai RM29.1 bilion dengan Negara destinasi utama iaitu Australia (RM7.2 bilion, 24.8%), India (RM6.6 billion, 22.7%) dan Thailand (RM5.8 bilion, 20.0%). Bagi tempoh Januari-Februari 2020, eksport petroleum mentah bernilai RM4.2 bilion, penurunan RM487.2 juta atau 10.4% berbanding tempoh yang sama pada 2019.
3. Pada tahun 2019, petroleum mentah (HS 2709) dan petroleum bertapis (HS 2710) ke China bernilai RM224.2 juta (0.8%) dan RM5.1 bilion (8.2%).
4. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak COVID-19.

| D. | Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM) | | |
|-----|--|--|---|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | Astro Awani | <p>Apa peluang pekerjaan rakyat Malaysia pasca COVID-19?</p> <p>Sudah sampai masanya Kerajaan bertindak tegas untuk mengurangkan bilangan pekerja asing secara berperingkat untuk diisi oleh ramai rakyat Malaysia yang kehilangan pekerjaan terutamanya pekerjaan yang ringan. Jumlah pekerja asing di Malaysia adalah terlalu ramai jika dicampur pekerja asing yang sah dan tidak sah.</p> | http://www.astroawani.com/berita-malaysia/apa-peluang-pekerjaan-rakyat-malaysia-pasca-covid-19-240405 |
| 2. | The Edge Markets | <p>Cover Story: Overcoming tough times</p> <p>The Covid-19 pandemic has brought nations and their economies to a standstill. Although some countries are looking to restart their economic engines, recovery will take time. How, then, can the local property sector survive this period and what can investors and property developers do until better days return? City & Country asks senior property developers and consultants who have been through financial crises to share their experience and views on how to manage in trying times.</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/cover-story-overcoming-tough-times |
| 3. | The Edge Markets | <p>Greenyield refutes online claims it is largest latex producer on Bursa</p> <p>Greenyield Bhd refuted claims made in an article published on the Facebook social media platform and Telegram messaging app in a filing with Bursa Malaysia today.</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/greenyield-refutes-online-claims-it-largest-latex-producer-bursa |

Penemuan penting & isu:

1. Kerajaan perlu memberikan fokus dan penumpuan kepada rakyat Malaysia yang ramai telah kehilangan pekerjaan. Zaman untuk bergantung pada pekerja asing terutamanya dalam pekerjaan yang ringan telah berakhir dan peluang perlu diberikan kepada rakyat Malaysia untuk mengisi pekerjaan.
2. Seramai 16 orang pemaju harta tanah dan perunding kanan yang telah melalui krisis kewangan berkongsi pengalaman dan pandangan mereka tentang bagaimana menguruskannya pada masa sekarang.
3. *Greenyield has recently included rubber plantation activities as one of the business activities of the group.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian akan terus membuat semakan terhadap projek-projek yang beroperasi sepanjang PKP dan penggunaan pekerja termasuk penglibatan warga asing dalam tenaga kerja sektor industri semasa tempoh PKP.
2. Pemantauan berterusan syarikat-syarikat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

| E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM) | | | |
|---|------------------|---|---|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | The Edge Markets | <p>MISC recoups loss after gap-down amid possible massive 1Q impairment</p> <p>Concerns MISC Bhd is likely to book in a sizeable impairment in its earnings for the first quarter 2020 (1QFY20). MISC could impair US\$550 million (around RM2.4 billion) after the recent decision on its arbitration with Sabah Shell Petroleum Co Ltd (SSPC) over the Gumusut-Kakap semi-floating production system. MISC shares has been downgraded to "hold" from "buy" as it factored in a cash payment of US\$325 million and a lower lease rate for the vessel. Even though MISC could appeal against this judicial decision, the worst-case scenario could mean that MISC has to pay RM1.5 billion cash to Shell while also reversing the lease income of RM968 million</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/misc-recoups-loss-after-gapdown-amid-possible-massive-1q-impairment |

| | | | |
|----|----------------------|--|---|
| | | recognised in FY14. Estimate that MISC's FY20 net profit of RM1.7 billion could reverse to a loss of RM788 million. Also, its low FY20F net gearing of 17% would rise to a still comfortable 24%. | |
| 2. | The Sun Daily | <p>Malaysian government may borrow locally, issue bonds to fund stimulus</p> <p>The Malaysian government may resort to domestic borrowing and sovereign bond issuance due to the need to finance the stimulus measures announced to help the people and businesses cope with the impact of the ongoing COVID-19 pandemic. For the direct fiscal injection of RM35 billion under the stimulus package, the government has the option of recalibrating its operating expenditure, raising additional non-tax revenue (for example, Petronas dividends), and temporarily lifting the statutory limit on public debt management. Petronas (Petroliam Nasional Bhd) indicated a dividend payout of RM24 billion to the federal government this year.</p> | https://www.thesundaily.my/business/malaysian-government-may-borrow-locally-issue-bonds-to-fund-stimulus-YF2337265 |
| 3. | The Star | <p>Impact of Covid-19 on manufacturers</p> <p>MANUFACTURING is a key sector for Malaysia. It drives a lot of our trade receipts and also helps to boost GDP and employment. Every year, Malaysia is a destination for foreign direct investments in the manufacturing space. The sector accounts for 22.3% of the</p> | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2020/04/27/impact-of-covid-19-on-manufacturers |

| | | |
|--|--|--|
| | <p>country's RM1.4 trillion GDP and losses from just the first 14 days of the MCO is estimated to be RM12.9bil. The overall length of the MCO is now going to be two months and the loss from just manufacturing is going to be far larger than initial estimates. As it is, the warning about job losses are mounting and that is something the government is trying hard to avoid.</p> | |
|--|--|--|

Penemuan penting & isu:

1. MISC berkemungkinan mengalami kemerosotan pendapatan pada suku pertama 2020 sebanyak US\$550 juta (RM2.4 bilion) selepas keputusan timbang tara bersama Sabah Shell Petroleum Co Ltd (SSPC) berkenaan sistem pelantar separa terapung di Gumusut Kakap.
2. Kerajaan berkemungkinan mengambil langkah seperti pinjaman tempatan dan penerbitan bon untuk membiayai pakej rangsangan ekonomi yang bertujuan untuk membantu rakyat dan perniagaan kecil dalam menangani impak pandemik COVID-19. Kerajaan juga mempunyai pilihan seperti menyelaras semula perbelanjaan operasi, meningkatkan pendapatan bukan cukai dan menaikkan sekatan dalam pengurusan hutang awam secara sementara.
3. Sektor Pembuatan sebagai salah satu sektor utama di Malaysia yang dijangka mengalami kehilangan pendapatan sebanyak RM12.9 bilion dalam 14 hari fasa pertama PKP. Pandemik COVID-19 juga telah menyebabkan ramai pekerja dalam sektor Pembuatan kehilangan pekerjaan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Jangkaan kemerosotan pendapatan yang mungkin dialami oleh syarikat perkapalan (minyak dan gas) pada suku pertama 2020 bakal memberi kesan kepada penyusunan Akaun Kewangan. Pada tahun 2019, Akaun Kewangan merekodkan aliran keluar bersih sebanyak RM34.3 bilion.
2. Tindakan-tindakan yang diambil oleh kerajaan seperti penerbitan bon untuk menampung pakej rangsangan ekonomi dan membantu rakyat mengurangkan tekanan daripada pandemik COVID-19 bakal memberi impak kepada penyusunan statistik Akaun Kewangan.
3. Sektor Pembuatan sebagai sektor yang menyumbang besar kepada KDNK dan destinasi pelaburan langsung asing telah terjejas berikutan pandemik COVID-19 dan bakal membawa pengaruh kepada Akaun Barang, Akaun Kewangan dan FDI serta Statistik Affiliate Asing di Malaysia. Pada tahun 2019, FDI telah mencatatkan aliran masuk bersih berjumlah RM32.8 bilion. Manakala, ramai pekerja dalam sektor pembuatan kehilangan pekerjaan

| terutamanya pekerja asing akan mempengaruhi Akaun Pendapatan Sekunder. | | | |
|---|---|--|---|
| F. | Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM) | | |
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | Bernama | <p>Pembelian, jualan produk asas tani secara dalam talian meningkat</p> <p>Pembelian dan jualan produk berdasarkan industri asas tani secara dalam talian mencatat peningkatan lebih RM3 juta dalam tempoh lima minggu sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p> <p>Selain itu, barang keperluan harian juga boleh didapati di 144 outlet Pasar Segar Terkawal (PST) seluruh negara yang diwujudkan oleh kementeriannya iaitu 50 outlet FAMA, 31 outlet Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan 63 outlet Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).</p> <p>Hasil jualan di outlet Pasar Segar Terkawal (PST) sejak awal PKP hingga 10 April lepas mencatatkan lebih RM12 juta</p> | https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1835926 |
| <p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembelian dan jualan produk berdasarkan industri asas tani secara dalam talian mencatat peningkatan lebih RM3 juta dalam tempoh lima minggu sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). <p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Urusniaga dalam talian merupakan pilihan utama rakyat sepanjang tempoh PKP. Platform ini amat berkesan dalam meningkatkan jualan pelbagai industri terutamanya industri asas tani yang meningkat lebih RM3 juta. | | | |

| <p>Peningkatan ini meliputi urusniaga menerusi platform di bawah kendalian FAMA, Lazada, Shopee dan sebagainya.</p> | | | |
|--|--|--|---|
| G. | Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM) | | |
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | The Star | <p>Steering Malaysia towards a new normal</p> <p>AS Malaysians adjust to restrictions under the movement control order, most businesses have been taking a beating. This is especially so for those struggling to eke out a living on a day-to-day basis.</p> | https://www.thestar.com.my/news/nation/2020/04/23/steering-malaysia-towards-a-new-normal |
| <p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> Leading e-commerce platform Lazada Malaysia's most recent programme, a stimulus package called Pakej Kedai Pintar, is expected to help about 50,000 local SMEs weather the pandemic by assisting them to sell online. The online platform created a special sales and delivery service for farmers to sell their produce online | | | |
| <p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> Tidak dapat dinafikan kesan daripada COVID 19 telah mengubah tingkah laku/gelagat pengguna dan <i>mode</i> kaedah perniagaan. Didapati peratusan pembelian atas talian di Malaysia telah meningkat daripada satu digit kepada dua digit. Bahagian ambil maklum berkenaan perubahan <i>mode</i> kaedah perniagaan ini dan akan mengkaji kesesuaian untuk dimasukkan dalam pengemaskinian bakul IHP 2021. | | | |
| H. | Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM) | | |
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | Berita Harian | <p>Skuad Bencana Pahang urus bantuan untuk golongan memerlukan</p> <p>Skuad Bencana Pahang (SBP) menguruskan lebih satu tan bantuan keperluan asas untuk golongan memerlukan di negeri ini sejak pelaksanaan Perintah</p> | https://www.bhariani.com.my/berita/wilayah/2020/04/681704/skuad-bencana-pahang-urus-bantuan-untuk-golongan-memerlukan |

| | | | |
|----|--------------|--|---|
| | | Kawalan Pergerakan (PKP) 18 Mac lalu. | |
| 2. | Harian Metro | <p>Kes pulih meningkat, tiada kematian pada 26 April 2020</p> <p>Bilangan kes pulih Covid-19 melebihi kes jangkitan baharu terus dicatatkan apabila 100 kes pulih dan dibenarkan keluar wad diumumkan semalam berbanding kes baharu.</p> | https://www.hmetro.com.my/utama/2020/04/571474/kes-pulih-meningkat-tiada-kematian-hari-ini-metrotv |
| 3. | Harian Metro | <p>Covid 19 : Masih 13 zon merah</p> <p>Walaupun terdapat pertambahan kes Covid-19 di negara ini, namun zon merah penularan virus berkenaan kekal 13 kawasan sehingga 12 tengah hari semalam.</p> | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/571693/covid-19-masih-13-zon-merah |
| 4. | Harian Metro | <p>1,128 penuntut balik kampung malam ini</p> <p>Seramai 1,128 pelajar Institut Pendidikan Tinggi Awam dan Institut Pendidikan Tinggi Swasta akan mula bergerak pulang ke kampung halaman masing-masing mulai malam ini.</p> | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/571764/1128-penuntut-balik-kampung-malam-ini |
| 5. | Harian Metro | <p>Permohonan baharu BPN sehingga 30 April</p> <p>Penerima Bantuan Prihatin Nasional (BPN) bagi isi rumah mahupun individu bujang yang memenuhi kriteria yang ditetapkan tetapi tidak tersenarai atau tidak lulus, boleh membuat permohonan baharu atau rayuan melalui portal rasmi BPN</p> | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/571735/permohonan-baharu-bpn-sehingga-30-april |

| | | | |
|----|--------------------|--|---|
| 6. | Bernama | <p>Analisis: Mampukah Rakyat Amalkan Norma Baharu Demi Menjaga Alam Sekitar?</p> <p>Menteri Alam Sekitar dan Air berkata, pelaksanaan PKP di seluruh negara bagi mengekang penularan wabak Covid-19 juga memberi kesan baik kepada alam sekitar</p> | https://www.bernama.com/bm/rencana/news.php?id=1836026 |
| 7. | Astro Awani | <p>COVID-19: Angka korban seluruh dunia melepas 206,000</p> <p>Angka kematian akibat COVID-19 di seluruh dunia mencatatkan peningkatan 5,000 kematian dalam tempoh 24 jam.</p> | http://www.astroawani.com/berita-dunia/covid-19-angka-korban-seluruh-dunia-melepas-206-000-240316 |

Penemuan penting & isu:

1. Bantuan ini menumpukan kepada bantuan keperluan harian seperti beras, minyak masak, gula, biskut, tepung, kopi dan mi, namun dalam kes tertentu lampin pakai buang kanak-kanak dan dewasa serta susu bayi turut disediakan bagi meringankan beban pemohon yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.
2. Sehingga kini, seramai 36 kes positif COVID-19 sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah itu, 15 kes memerlukan bantuan pernafasan. Maklumat terkini yang dilaporkan ke Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), dimaklumkan bahawa tiada pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 semalam. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal sebanyak 98 kes (26 April 2020).
3. Seramai 863 pelajar akan dihantar pulang dari zon tengah ke zon utara malam ini manakala 265 pelajar akan dihantar pulang dari zon utara ke zon tengah pada malam esok (Selasa, 28 April). Proses penghantaran pulang akan melibatkan sembilan universiti yang terlibat dan 49 buah bas ke 17 destinasi.
4. Kuala Lumpur kekal menjadi negeri tertinggi mempunyai kes positif Covid-19 iaitu 443 kes masih aktif dengan kawasan Lembah Pantai mendominasi jumlah kes iaitu 280 kes aktif. Semua daerah di Kuala Lumpur kini masih dikategorikan sebagai zon merah kecuali Cheras yang kini diletakkan sebagai zon jingga kerana terdapat penurunan dari kes aktif iaitu 33 kes berbanding 98 kes sebelum ini. Johor turut mencatatkan kes tinggi positif COVID-19 yang masih aktif. Selain itu, beberapa negeri lain turut mempunyai kes aktif antaranya Kedah, Kelantan, Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Labuan.
5. Pemberian BPN bagi golongan B40 adalah berdasarkan pangkalan data Bantuan Sara Hidup (BSH) manakala BPN bagi golongan M40 pula adalah berdasarkan data percukaian Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM).

| |
|--|
| <p>Permohonan baharu dan rayuan hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada 30 April 2020.</p> <p>6. Kadar kepekatan bahan pencemar udara menurun dengan ketara sepanjang PKP ini. Sebelum ini walaupun ada usaha mengurangkan pencemaran seperti langkah mewujudkan zon bebas kenderaan tetapi kesannya mungkin tidak seperti PKP ini.</p> <p>7. Jumlah keseluruhan yang maut akibat wabak COVID-19 kini mencecah 206,000 kes. Menurut statistik Johns Hopkins University, sebanyak lima negara mempunyai kes maut melebihi 20,000. Amerika Syarikat (AS) kekal sebagai negara mempunyai angka korban tertinggi dan satu-satunya negara yang melebihi 50,000 kematian.</p> |
|--|

Maklum balas Bahagian:

1. Maklumat individu penduduk di Pahang yang memerlukan bantuan dari segi pendapatan, bilangan ahli isi rumah, kawasan perumahan dan kemudahan persekitaran boleh dianalisa melalui pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia.
2. Penurunan kes positif COVID-19 ekoran tahap patuh pada pelaksanaan PKP. Oleh sebab itu, individu sembuh dijangka akan meningkat. Taraf kesihatan penduduk akan memberi kesan kepada pembangunan sosial di negara ini. Beberapa soalan berkaitan kesihatan akan ditanya semasa Banci 2020 untuk mengukur tahap kesihatan penduduk di Malaysia.
3. Kes positif di 13 kawasan yang masih aktif menjadikan kawasan tersebut kekal dikategorikan sebagai zon merah. Hal ini akan menyebabkan kegiatan ekonomi harian dan pendapatan penduduk kawasan tersebut terkesan. Tahap kesihatan penduduk juga dapat dinilai dan purata kematian dapat dianggarkan.
4. Bahagian akan mengenal pasti jenis bantuan yang disalurkan sama ada boleh dikira sebagai pendapatan semasa pelaksanaan Banci 2020. Secara asasnya bantuan dalam bentuk tunai yang diterima secara berulang dan terakru akan diambil kira sebagai pendapatan Isi Rumah.
5. Bahagian akan sentiasa mengambil maklum dan mengumpul maklumat kematian bagi tujuan semakan verifikasi data kematian 2020 yang akan diterbitkan pada tahun 2021.

| I. Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM) | | | |
|--|-----------------|--|---|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | The Edge Market | 18 Sabah oil palm private jetties allowed to reopen | https://www.theedgemarkets.com/article/18-sabah-oil-palm- |

| | | | |
|----|----------------------|--|--|
| | | <p>Eighteen private jetties of oil palm industry in Sabah, which were temporarily closed due to the implementation of the Movement Control Order (MCO), have been allowed to reopen on Sunday (April 26).</p> <p>The oil palm industry was one of the main sources of income for the state, as well as a source of income for the local people.</p> | <u>private-jetties-allowed-reopen</u> |
| 2. | The Sun Daily | <p>Retired teacher sews PPE kits for frontliners</p> <p>Age is no obstacle to a senior citizen here doing her bid in the fight against Covid-19 by sewing personal protective equipment (PPE) for hospital frontliners.</p> <p>Norimah was among 49 volunteers of Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram) Johor who have been assigned to produce 2,000 sets of PPE comprising the isolation gown, cap, boot cover, and shoe cover which will be given to health workers in Johor hospitals where Covid-19 patients are being treated.</p> <p>The Johor Ikram PPE project is a joint effort with Yayasan Pelajaran Hidayah which handles public donations, and support from the Temenggong Seri Maharaja Tun Ibrahim Hospital, Kulai.</p> | <u>https://www.thesunday.my/covid-19/retired-teacher-sews-ppe-kits-for-frontliners-EG2338688</u> |
| 3. | Berita Harian | <p>Sapura Energy potong gaji pengurusan, kakitangan</p> <p>Sapura Energy Bhd mengumumkan beberapa</p> | <u>https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/682457/sapura-energy-potong-gaji-</u> |

| | | | |
|---|----------------------|--|---|
| | | <p>langkah penjimatan peringkat dalaman, termasuk pemotongan gaji sebanyak 50 peratus untuk pasukan kepimpinannya berkuat kuasa serta-merta. Pelarasan semula gaji pekerja adalah antara lima dan 45 peratus dilaksanakan selepas Ramadan. Pengurangan tenaga kerja bagi mengurangkan impak daripada pandemik COVID-19 dan harga minyak mentah yang rendah.</p> <p>Syarikat akan memastikan mereka yang berpendapatan rendah akan kurang dibebani oleh pemotongan itu.</p> | <u>pengurusan-kakitangan</u> |
| 4. | Berita Harian | <p>XOX sasar wujudkan 20,000 pekerjaan baharu</p> <p>XOX Mobile Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh XOX Bhd melancarkan kempen di seluruh negara yang akan menyaksikan syarikat itu mewujudkan 20,000 pekerjaan baharu menerusi Program Pengedar Sekutu Dalam Talian.</p> <p>Sektor telekomunikasi sebagai sebahagian perkhidmatan penting, XOX masih boleh menyediakan dan mewujudkan pekerjaan untuk membantu golongan yang terjejas agar boleh mencari pendapatan dalam tempoh sukar ini berikutan kelembapan ekonomi disebabkan pandemik COVID-19.</p> | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/04/682389/xox-sasar-wujudkan-20000-pekerjaan-baharu?utm_source=bh&utm_campaign=reccsys&utm_medium=reccsys |
| Penemuan penting & isu: | | | |
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Sebanyak 18 jeti swasta industri kelapa sawit di Sabah, yang ditutup sementara kerana pelaksanaan PKP, telah dibenarkan beroperasi semula. | | | |

- Industri kelapa sawit adalah salah satu sumber pendapatan utama negeri ini, dan juga merupakan sumber pendapatan penduduk tempatan.
2. Seramai 49 orang sukarelawan Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram) Johor telah bersama-sama menghasilkan 2,000 set PPE yang akan diberikan kepada pekerja kesihatan di hospital Johor di mana pesakit COVID-19 sedang dirawat.
 3. Syarikat dalam sektor perlombongan dan pengkuarian terpaksa melaksanakan pemotongan gaji pengurusan dan kakitangan sebagai langkah penjimatan. Pengurangan tenaga kerja akan dilaksanakan bagi mengurangkan impak daripada pandemik COVID-19 dan harga minyak mentah yang rendah.
 4. Syarikat telekomunikasi mengambil peluang mewujudkan 20,000 pekerjaan baharu menerusi Program Pengedar Sekutu Dalam Talian untuk membantu golongan yang terjejas agar boleh mencari pendapatan dalam tempoh sukar ini berikutan kelembapan ekonomi disebabkan pandemik COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan penemuan Survei Gaji dan Upah 2018, penengah gaji dan upah bulanan bagi pekerja di dalam sektor pertanian, perhutanan dan perikanan adalah RM1,392 manakala purata gaji dan upah bulanan adalah RM1,865. Bagi sektor pembuatan pula, penengah gaji dan upah bulanan adalah RM1,959 dan purata gaji dan upah bulanan adalah RM2,565.
2. Pelaksanaan pemotongan gaji sehingga 50 peratus dan pengurangan tenaga kerja sebagai langkah penjimatan akibat COVID-19 dan kejatuhan harga komoditi akan memberi kesan kepada penurunan statistik gaji & upah dan bilangan pekerja. Berdasarkan penemuan Survei Tenaga Buruh 2018 bilangan pekerja bagi sektor perlombongan dan pengkuarian adalah sebanyak 90.8 ribu orang.
3. Peningkatan bilangan penduduk bekerja diramalkan di dalam sektor perkhidmatan bagi industri komunikasi susulan pewujudan 20,000 pekerjaan baharu menerusi Program Pengedar Sekutu Dalam Talian. Berdasarkan penemuan Survei Tenaga Buruh, bilangan pekerja dalam industri maklumat & komunikasi dianggarkan 216.8 ribu orang pada 2018.

| J. | Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM) | | |
|-----|--|-----------|--------|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |

| | | | |
|----|----------------------|--|---|
| 1. | Berita Harian | <p>LGM turun padang bantu daftar penoreh</p> <p>Lembaga Getah Malaysia (LGM) akan turun padang membantu pekebun kecil getah seluruh negara mendaftar bagi mendapatkan kad hijau, sekaligus membolehkan mereka membuat tuntutan Insentif Pengeluaran Getah (IPG).</p> | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2020/04/682136/lgm-turun-padang-bantu-daftar-penoreh |
| 2. | Berita Harian | <p>Lambakan sayur sudah selesai - Che Abdullah</p> <p>Isu lambakan sayur termasuk di Lojing dan Cameron Highlands sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sudah ditangani.</p> <p>Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Che Abdullah Mat Nawi, berkata masalah berkenaan diselesaikan menerusi pembelian oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan badan bukan kerajaan (NGO).</p> | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/682190/lambakan-sayur-sudah-selesai-che-abdullah |
| 3. | The Sun Daily | <p>'Use technology to keep greens supply chain running'</p> <p>The difficulty in getting vegetables in the current health crisis has shown with stark clarity that new methods are needed to keep the supply chain intact.</p> | https://www.thesundaily.my/home/use-technology-to-keep-greens-supply-chain-running-YG2338032 |
| 4. | Harian Metro | <p>Sungai Jeram Tinggi Jementah kembali jernih</p> <p>Alam seolah-olah semakin indah sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila melihat kejernihan aliran air sungai di Jeram Tinggi Jementah, Segamat.</p> | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/571332/sungai-jeram-tinggi-jementah-kembali-jernih |

| | | | |
|----|----------------------|---|---|
| 5. | Berita Harian | Tutup operasi jika cemar alam sekitar - Tuan Ibrahim Pihak industri yang dibenarkan beroperasi ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berdepan tindakan tegas termasuk dihentikan operasi sekiranya didapati mencemarkan alam sekitar. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/681788/tutup-operasi-jika-cemar-alam-sekitar-tuan-ibrahim |
|----|----------------------|---|---|

Penemuan penting & isu:

1. Ramai pekebun kecil getah menghadapi kesukaran membuat pendaftaran kerana lokasi mereka jauh dan mengambil masa untuk ke pejabat wilayah LGM. Selain itu, LGM juga akan mengkaji untuk memudahkan pengisian borang pendaftaran dan lain-lain prosedur yang ditetapkan. Setakat ini, hanya kira-kira 20 peratus pekebun getah di seluruh negara membuat tuntutan insentif itu membabitkan jumlah kira-kira RM40 juta dan turut menggesa golongan terbabit memanfaatkan baki RM60 juta melalui IPG untuk menstabilkan pendapatan masing-masing ketika penurunan harga komoditi itu kerana kerajaan sudah memperuntukkan RM100 juta bagi tujuan pembayaran IPG tahun ini.
2. Pada awal pelaksanaan PKP, memang timbul masalah lambakan sayur kerana kegagalan mengeksport, namun masalah berkenaan sudah ditangani termasuk pembelian oleh FAMA dan NGO untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan seperti zoo. Bekalan ikan sepanjang PKP mencukupi dengan stok di pasaran sebanyak 185,000 tan, berbanding keperluan semasa 155,000 tan sebulan.
3. Technology is crucial in helping farmers reach their consumers directly. Farmers are not adequately equipped with the right technology to implement such a concept.
4. Tindakan tegas tanpa kompromi akan diambil terhadap industri atau sektor yang mencemarkan alam sekitar dan pihak yang didapati tidak mematuhi AKAS juga akan dilaporkan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk tindakan lanjut termasuk penutupan operasi. Sejak pelaksanaan PKP hingga 24 April lalu, JAS sudah mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap 158 premis dan individu yang melanggar AKAS termasuk penahanan dan penggantungan lesen lima premis.

Maklumbalas Bahagian:

1. BPPAS mengambil maklum berkaitan masalah lambakan sayur pada awal PKP dan ini telah mengakibatkan terdapat sayuran yang akan menjadi waste. Namun begitu, pada ketika ini masalah tersebut telah berjaya diatasi dan pengeluaran sayur-sayuran pada musim PKP ini adalah mencukupi. Statistik pengeluaran dan penggunaan bagi sayur-sayuran terpilih (10 jenis item) dan perikanan terpilih (5 jenis item) diterbitkan di dalam penerbitan

Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA) secara tahunan. Bahagian akan memberi perhatian kepada statistik pengeluaran hasil pertanian dan perikanan semasa PKP dan kesannya pada penerbitan SUA 2021.

2. BPPAS mengambil maklum akan peningkatan kualiti air sungai Jeram Tinggi Jementah, Segamat sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia. Penerbitan Kompendium Perangkaan Alam Sekitar (KPAS) 2019 memuatkan statistik kualiti air bagi lembangan sungai yang diawasi bagi kategori “Bersih”, “Sederhana Tercemar” dan “Tercemar” bagi tahun 2017 dan 2018. Bagi lembangan sungai di negeri Johor, terdapat 27 sungai yang dikategorikan “bersih” pada tahun 2017 dan 2018, 36 sungai pada kategori “sederhana tercemar” dan 21 sungai pada kategori “tercemar”. Senarai penuh sungai ini di lampirkan dalam lampiran 7A, 7B dan 7C di dalam penerbitan KPAS 2019.
3. BPPAS mengambil maklum peringatan yang dikeluarkan oleh Menteri Alam Sekitar dan Air terhadap pihak industri yang dibenarkan beroperasi ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengenai keperluan pengurusan buangan terjadual perlulah dilakukan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974. Penerbitan KPAS 2019 melaporkan bahawa kuantiti buangan terjadual pada 2018 menurun 19.2 peratus berbanding 2015 di mana buangan gypsum (35.0%), dros/sanga/klinker/abu (31.4%) dan enap cemar logam berat (11.4%) merupakan kategori utama dalam buangan terjadual pada 2018. Selain itu, kuantiti buangan klinikal pada tahun 2018 telah meningkat sebanyak 23.1 peratus berbanding pada tahun 2015 di mana Selangor, WP Kuala Lumpur dan Johor merupakan 3 negeri yang mencatatkan jumlah sisa klinikal tertinggi pada tahun 2018.

| K. | Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM) | | |
|-----|--|--|---|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | The Edge Market | <p>Plenitude to shut 3 hotels, downsize others due to Covid-19</p> <p>Plenitude Bhd will be closing the operations of three of its hotels and downsizing operations of other hotels it owns due to the Covid-19 pandemic.</p> <p>The hotels it is closing are Mercure Penang Beach, Penang, The Gurney Resort</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/plenitude-shut-3-hotels-downsize-others-due-covid19 |

| | | | |
|---|--------------------------|--|---|
| | | <p>Hotel and Residences, Penang, and Travelodge Ipoh.</p> <p>With domestic and worldwide travel restrictions, the company's hotels have suffered a significant decrease in business, and the company has no alternative but to downsize its business and operations.</p> | |
| 2. | New Straits Times | <p>More airlines to fold without government help: IATA</p> <p>There will be more airlines folding if Asia Pacific governments do not step in soon to ensure they have sufficient cash flow amid the Covid-19 pandemic. International Air Transport Association (IATA) stated airlines in Malaysia would likely lose US\$4.24 billion revenue, with some 220,500 jobs at risk.</p> <p>Governments would need airlines to spur the economic recovery, connect manufacturing hubs and support tourism after the Covid-19 pandemic is contained and needed to act now and urgently before it is too late.</p> | https://www.nst.com.my/business/2020/04/587705/more-airlines-fold-without-government-help-iata |
| <p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Plenitude Bhd akan menutup operasi 3 hotel iaitu Mercure Penang Beach, Penang, The Gurney Resort Hotel dan Residences, Penang dan Travelodge Ipoh serta mengecilkan operasi hotel lain kerana pandemik COVID-19. 2. <i>International Air Transport Association</i> (IATA) menyatakan syarikat penerbangan Malaysia bakal kerugian US\$4.24 bilion dan 220,500 bakal kehilangan pekerjaan. Syarikat penerbangan diperlukan untuk memacu pemulihan ekonomi, menghubungkan hab pembuatan dan menyokong industri pelancongan setelah wabak Covid-19 dapat dibendung. | | | |

Maklumbalas Bahagian:

1. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut maklumat berkaitan jawatan diisi dan pewujudan jawatan mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST4 2019:
 - i) Jumlah keseluruhan jawatan diisi adalah sebanyak 8,464 ribu jawatan. Jawatan diisi tertinggi adalah di sektor Perkhidmatan dengan 4,440 ribu (52.5%) manakala sektor Perlombongan & Pengkuarian meliputi 82 ribu (1.0%).
 - ii) Sektor Perkhidmatan menyumbang 12 ribu atau 46.5 peratus daripada 25 ribu pewujudan jawatan.
2. Statistik pekerja bagi ST4 2019 yang berkaitan berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh ST4 2019 adalah seperti berikut*:
 - i) Pertanian: 1,857 ribu orang (12.2%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 70 ribu orang (0.5%)
 - iii) Pembinaan: 1,493 ribu orang (9.8%)
 - iv) Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan: 444 ribu orang (2.9%)
 - v) Makanan & minuman dan penginapan: 1,694 ribu orang (11.1%)
 - vi) Pengangkutan dan penyimpanan: 554 ribu orang (3.6%)
 - vii) Hartanah dan perkhidmatan perniagaan: 1,140 ribu orang (7.5%)
3. Statistik produktiviti buruh bagi ST4 2019 yang berkaitan berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:

| Aktiviti ekonomi | Produktiviti buruh mengikut jam bekerja | | Produktiviti buruh mengikut pekerja | |
|---|--|--|--|--|
| | Nilai (RM) | Perubahan Peratusan Tahunan (%) | Nilai (RM) | Perubahan Peratusan Tahunan (%) |
| Pertanian | 25.1 | -5.8 | 13,177 | -6.2 |
| Perlombongan dan pengkuarian | 615.5 | -0.3 | 380,290 | -3.2 |
| Pembinaan | 18.6 | 4.3 | 11,106 | 3.1 |
| Minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan | 31.9 | -2.7 | 18,010 | -0.8 |
| Makanan & minuman dan penginapan | 13.6 | 2.9 | 7,977 | 2.3 |

| | | | | |
|--------------------------------------|------|-----|--------|-----|
| Pengangkutan dan penyimpanan | 41.3 | 4.6 | 25,444 | 4.1 |
| Hartanah dan perkhidmatan perniagaan | 26.2 | 4.2 | 15,707 | 4.9 |

4. Statistik kadar pengangguran berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh adalah seperti berikut:

- i) Tahunan, 2018: 3.3%
- ii) Suku tahunan, ST4 2019: 3.2%
- iii) Bulanan, Februari 2020: 3.3%

*merujuk kepada jumlah pekerja dan peratus sumbangan

Jadual 1: Jumlah Keseluruhan Taburan Kes COVID-19 Mengikut Negeri

